

Anwar anggap tidak layak terima 'kredit' misi flotilla

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan beliau bukanlah individu yang se layakanya diberi penghargaan atas penganjuran misi kemanusiaan Global Sumud Flotilla (GSF) serta Freedom Flotilla Coalition dan Thousand Madleens to Gaza (FFC x TMTG).

Perdana Menteri berkata, ini kerana GSF bukanlah inisiatif yang digagaskan beliau, sebaliknya ia digerakkan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) global yang prihatin terhadap penindasan ke atas rakyat Palestin.

Sebaliknya, Anwar berkata, beliau secara kebetulan muncul pemimpin pertama di dunia menyatakan sokongan rasmi kepada misi kemanusiaan itu.

“Inisiatif (GSF dan FFC x TMTG) bukan inisiatif saya. Saya tak boleh ambil ‘kredit’. Ada sekumpulan anak muda di negara ini mahu menerajui usaha berkenaan dan saya kata okey, kita beri sokongan dan bantuan.

“Mereka kemudian meminta saya untuk menyatakan sokongan penuh serta memberi pengiktirafan secara rasmi (bagi usaha berkenaan) dan saya kata,

“Ya” kepada mereka.

“Kebetulan pula saya menjadi pemimpin pertama di dunia yang menyatakan sokongan rasmi (kepada gagasan GSF dan FFC x TMTG),” katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi *in Conversation with Prime Minister* sempena Sidang Kemuncak Pemimpin Muda Antarabangsa (iFUTURE) 2025 di Pusat Dagangan Dunia (WTC) Kuala Lumpur di sini, semalam.

Sementara itu, Anwar berkata, pihaknya akan menghubungi Presiden Mesir, Abdel Fattah al-Sisi bagi membincangkan pelaksanaan gelombang kedua Sumud Nusantara melalui lintasan Rafah.